

10/04/2001

Bantuan rumah kos rendah, wang untuk mangsa kebakaran

PETALING JAYA, Isnin - Mangsa kebakaran rumah setinggan di Kampung Lindungan, Jalan Klang Lama, di sini, berpeluang mendapat kemudahan perumahan kos rendah dan bantuan kewangan tambahan daripada kerajaan.

Dalam pertemuan dengan lebih 80 mangsa kebakaran itu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, mengumumkan bantuan kemudahan perumahan baru bagi mangsa di Puchong, Selangor.

"Kemudahan rumah kos rendah sebanyak 20 unit ini bukan saja untuk mangsa kebakaran malah beberapa mangsa kejadian di Kampung Medan," katanya ketika ditemui di Dewan PJS6 di sini, petang ini.

Dalam kejadian 5 April lalu, 12 keluarga setinggan di Kampung Lindungan, tinggal sehelai sepinggang apabila rumah mereka hangus terbakar.

Sehubungan itu, Samy Vellu yang juga Presiden MIC berkata, pihaknya sudah meminta pemaaju mengurangkan harga rumah pangsa dari RM42,000 ke RM35,000 seunit.

Langkah itu, katanya, bagi memastikan semua mangsa mampu membeli rumah kos rendah yang diperuntukkan.

Ditanya bila tarikh bagi semua mangsa kebakaran boleh berpindah ke rumah baru masing-masing, Samy Vellu berkata, proses itu akan mengambil masa satu hingga dua bulan.

Mengenai bayaran pendahuluan rumah itu, beliau akan bertemu dan berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin pada mesyuarat Kabinet pada Rabu depan bagi mendapatkan bantuan berkenaan.

"Bantuan tambahan yang diminta ini bantuan kewangan yang membolehkan mangsa membayar wang pendahuluan rumah kos rendah terbabit," katanya.

Selain itu, katanya, MIC akan meletakkan dua pegawai bertugas membantu mangsa mengisi borang permohonan perumahan di samping membantu mereka dalam hal berkaitan pengeluaran wang Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) bagi tujuan pembelian rumah.

(END)